# GEQAU

*Buletin Hospital Melaka*

**BILANGAN 13**
JULAI - DIS 2019





## Program Lambaian Sanjungan Budi Sempena Persaraan YBhg Datuk Dr Hatijah Bte Mohd Tan

Program Lambaian Kasih Sanjungan Budi Sempena Persaraan YBhg. Datuk Dr. Hatijah binti Hj. Mohd Tan, Pengarah Hospital Melaka telah diadakan pada 20 Disember 2019 (Jumaat) bertempat di Hotel Ramada Melaka. Tetamu yang hadir pada malam tersebutlah termasuklah YB Tuan Low Chee Leong, Exco Kesihatan Dan Antidadah Negeri Melaka, Ketua Jabatan/Unit dan anggota Hospital Melaka, anggota daripada semua PTJ Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Hospital-hospital Swasta dalam Negeri Melaka, Medivest Sdn Bhd dan ramai lagi.



## Majlis Penyerahan Nota Tugas & Final Clocking YBhg Datuk Dr Hatijah Bte Mohd Tan

Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas dan Final Clocking YBhg. Datuk Dr. Hatijah binti Hj. Mohd Tan, Pengarah Hospital Melaka telah diadakan pada 24 Disember 2019 pada pukul 3.00 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Zamrud. Nota Serah Tugas Pengarah Hospital Melaka telah diserahkan kepada Dr. Hj. Zulkarnain bin Hj. Mohd Rawi, Timbalan Pengarah (Perubatan) I, Hospital Melaka yang disaksikan oleh semua Timbalan Pengarah dan Ketua Jabatan/Unit Hospital Melaka. Selepas tamat majlis tersebut, YBhg. Datuk Dr. Hatijah binti Hj. Mohd Tan, Pengarah Hospital Melaka bersama suami mengelilingi Hospital Melaka menaiki kereta kuda dan diakhiri dengan mengimbas cap jari di Lobi Pentadbiran, Hospital Melaka.

# SIDANG REDAKSI



## DARI MINDA
## KETUA EDITOR

**Assalamualaikum dan salam sejahtera**

**Bertemu kembali dalam edisi ke 13 Buletin Geqau Hospital Melaka.**

**Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pengarah Hospital Melaka dan Pengarah Kesihatan Negeri atas anugerah Datuk oleh TYT semperna harijadi beliau pada bulan Oktober yang lalu. Tahniah juga saya ucapkan kepada beberapa Ketua Jabatan yang telah dinaikan pangkat kepada JUSA B dan beberapa orang pakar yang dinaikkan pangkat ke JUSA C.**

**Di keluaran kali ini, Buletin Gegau memaparkan aktiviti dari Jabatan Plastik dan Rekonstruksi berkaitan penyakit yang dialami oleh Kanak-kanak sumbing bibir dan lelangit. Selain dari cara perawatan dan pembedahan, kami juga memaparkan cara rehabilitasi dari unit cara kerja dan Jurupulih Pertuturan. Kami juga memaparkan peristiwa dan aktiviti dihospital diantara bulan Julai hingga Disember 2019.**

**Di hujung tahun ini, Hospital Melaka telah kehilangan pengarah yang disayangi, Datuk Dr Hatijah Mohd Tan yang bersara wajib, juga Timbalan Pengarah Pengurusan, Pn Sabrina Thalas yang berpindah kerana kenaikan pangkat. Oleh itu kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada mereka atas jasa yang ditaburkan. Kami juga ingin mengucapkan selamat datang kepada Dr Zaharimah Bte Abd Kadir, Pengarah Hospital yang baru dan berharap dapat menerajui Hospital Melaka kearah yang lebih baik.**

**Akhir kata, kami ingin memohon maaf jika ada yang tersinggung atau terguris atas artikel yang dipaparkan sebelum ini.**

**SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI DAN MAAF ZAHIR BATHIN DARI PIHAK KAMI**

**Sekian terima kasih**

**DATUK MR ( DR ) HJ ABD RAZAK BIN AHMAD**
**Ketua Editor**


### PENAUNG
- PENGARAH HOSPITAL

### PENASIHAT
- DR. SHARIFAH OMAR

### KETUA EDITOR
- DATUK MR ( DR ) HJ ABD RAZAK BIN AHMAD

### PENOLONG KETUA EDITOR
- PN. SURIYA BINTI HASAN

### EDITOR
- DR NUR HAZIRAH BINTI ABD HALIM
- PUAN JOSEPHINE GOH SOO YEE
- PUAN NG SIOK SHEN
- PUAN HASIMAH BINTI MAMAT
- PUAN NURUL SALWA BINTI ABDUL MULUK
- MATRON NORSHIDAH BINTI ISMAIL
- EN MOHD FARIZ BIN A RAZAK
- MATRON HEE KIM LAN
- EN HJ SANI BIN MOKHTAR
- EN ROSLI BIN ADAM

### URUSETIA
- PN. SITI NORLIZA BINTI MD ARIF
- PN. JULIETA BINTI MOHAMAD
- EN. AMIN MAHZAN AHMAD
- EN. HAIZAT BIN JAHIM

Artikel yang tersiar dalam buletin ini tidak semestinya menggambarkan pandangan Hospital Melaka sepenuhnya. Kami mengalu - alukan kritikan membina dan hasil kreatif anda. Alamatkan kepada :



**Pejabat Urusetia**
**Unit Pendidikan Pesakit**
**Hospital Melaka,**
**Jalan Mufti Hj. Khalil,**
**75400 Melaka.**

**Tel : 06 - 289 2344**
**Fax : 06 - 284 1590**
**http://hmelaka.moh.gov.my**

# Sekapur Sireh, Seulas Pinang..



As salam mualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana atas keizinan-Nya, Buletin GEQAU Hospital Melaka Bilangan 13 dapat diterbitkan.

Sekalung tahniah dan syabas buat warga Sidang Redaksi di atas segala usaha dan komitmen yang padu sehingga terhasilnya Buletin GEQAU yang diterbitkan sebagai wadah perkongsian maklumat mengenai program dan aktiviti yang berlangsung di Hospital Melaka. Buletin ini merupakan medium untuk menghimpunkan segala aktiviti dan pencapaian Hospital Melaka bagi tempoh Julai hingga Disember 2019.

Bahan penerbitan ini merupakan manifestasi bahawa Hospital Melaka sentiasa komited dalam memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan adalah pada tahap yang terbaik. Justeru, adalah diharapkan semua warga kerja Hospital Melaka akan terus komited dalam menjalankan tugas demi merealisasikan Visi Kesihatan Malaysia iaitu, "Negara Menggembleng Tenaga Ke Arah Kesihatan Yang Lebih Baik."



Akhir kata saya merakamkan ucapan selamat berpisah di atas persaraan saya. Saya berharap agar Buletin GEQAU Hospital Melaka dapat diteruskan dan memberi impak yang bermanfaat kepada semua warga kerja Hospital Melaka. Semoga cetusan idea serta usaha berterusan ini dapat diteruskan pada masa akan datang bersama pengarah baru. Semoga warga kerja Hospital Melaka terus cemerlang pada masa hadapan.

**Datuk Dr. Hatijah Binti Hj. Mohd Tan**
Mantan Pengarah Hospital Melaka

# Sekapur Sireh, Seulas Pinang..

As salam mualaikum WBT

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, PINTAR-HIJAU-BERSIH, Melaka 758 Tahun, Hospital 86 Tahun

Segala puji-pujian ke hadrat Allah S.W.T atas limpah rahmat dan izin-Nya, saya diberi kesempatan untuk mencoretkan sepatah dua kata dalam ruangan ini.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi Bulein GEQAU Bilangan 13 atas inisiatif menerbitkan risalah istimewa ini. Naskhah dwi tahunan ini sememangnya bertujuan untuk memaparkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan selain memberikan informasi kesihatan kepada seluruh warga kerja Hospital Melaka. Di sini saya menaruh harapan yang tinggi agar bahan penerbitan ini mampu dimanfaatkan oleh seluruh warga kerja Hospital Melaka.

Sebagai penutup, saya ingin menyeru semua warga kerja Hospital Melaka bersama-sama meminta kata dalam irama yang sama, melangkah dengan derap yang sekata ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di Hospital Melaka. Justeru itu, saya memohon kerjasama dari semua agar dapat memberikan komitmen dan kerjasama yang tinggi kepada saya untuk memberikan perawatan terbaik ke arah kecemerlangan kualiti perkhidmatan.



Sekian, terima kasih.

**Dr. Zaharimah Binti Abdul Kadir**
Pengarah Hospital Melaka

## PENGENALAN

Klef bibir dan lelangit (CL/P) adalah rekahan / sumbing pada bibr dan / atau lelangit yang wujud sejak lahir. Ia adalah salah satu daripada kecacatan kongenital yang paling kerap terjadi di dunia. CL/P boleh melibatkan sebahagian bibir, gusi, lelangit atau keseluruhannya sehingga ke hidung. Ia juga boleh terjadi di sebelah kiri, kanan atau kedua-dua belah bibir atau di tengah-tengah. Sebanyak 70% kes klef bibir dan lelangit yang terjadi adalah kecacatan yang terisolasi dan tidak mengancam nyawa, manakala sebahagian kecil pada kadar 5-14% melibatkan sindrom penyakit yang lebih serius. Di Malaysia, tiada data kebangsaan yang merekodkan kelahiran CL/P, tetapi dianggarkan kejadian CL/P adalah sekitar 1 di setiap 600-700 kelahiran normal. Bayi perempuan lebih cenderung untuk mendapat klef lelangit manakala bayi lelaki berkecenderungan mendapat klef sebelah kiri berbanding sebelah kanan.

Bayi yang dilahirkan CL/P boleh mengalami masalah-masalah seperti berikut:

1. Aesthetik – kelainan rupa paras disebabkan kecacatan luaran di bibir dan hidung
2. Makan dan minum - Kesukaran untuk suapan susu, air atau butir makanan keluar di hidung
3. Tumbesaran lewat / terbantut – khususnya bila melibatkan sindrom penyakit
4. Pendengaran – CL/P berkait rapat dengan efusi telinga tengah
5. Pertuturan – pesakit bersuara sengau, masalah artikulasi, dan kelewatan pertuturan
6. Pertumbuhan tulang muka yang terbantut atau tidak seragam
7. Pergigian – pertumbuhan gigi yang tidak teratur, abnormal dan kecenderungan karies gigi
8. Psikososial – Penyesuaian diri di tempat awam seperti sekolah, tempat kerja disebabkan rasa rendah diri.

## RAWATAN

Rawatan CL/P bergantung kepada tahap keterukan kecacatan tersebut dan samada masalah perubatan lain terlibat sama seperti kewujudan sindrom penyakit pada bayi tersebut. Di seluruh dunia, rawatan pesakit CL/P adalah bersifat multidisiplin. Terdapat perbagai protokol rawatan yang diamalkan oleh hospital yang berbeza tetapi fungsi rawatan secara dasarnya adalah sama.

Hospital-hospital besar negeri di Malaysia biasanya mempunyai pasukan rawatan CL/P yang lengkap. Mereka terdiri daripada pakar-pakar berikut:

1. Pakar Feto-Maternal (O&G)
2. Pakar Pediatrik
3. Pakar Pembedahan Plastik & Rekonstruktif
4. Pakar Otorhinolaringologi (ORL)
5. Pakar Audiologi -
6. Pakar Pertuturan (Speech- language Pathologist)
7. Pakar Pergigian Kanak-Kanak
8. Pakar Oromaksillofasial (OMF)
9. Pakar Ortodontis
10. Prostodontis
11. Pakar Psikiatri / Kaunselor



Gambar 1 : Left complete cleft lip and palate

Selain daripada itu, terdapat badan bukan kerajaan (NGO) iaitu CLAPAM (Cleft Lip and Palate Association Malaysia) yang aktif memberi sokongan kepada ibubapa dan kanak-kanak CL/P.



Gambar 2 : Left Incomplete cleft lip and incomplete cleft palate



Gambar 3 : Bilateral complete cleft lip and palate



Gambar 4 : Incomplete cleft palate

## PROTOKOL RAWATAN

**Berikut adalah gambaran keseluruhan rawatan CL/P yang diambil daripada buku 'Holistic Approach In the management of Cleft Lip and Palate' terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia (2018)**

*Table 1.3 An Overview of cleft management by discipline and 5-year age groupings*

| DISCIPLINE | 0-5 YEARS | 6-10 YEARS | 11-15 YEARS | 16+ YEARS |
|---|---|---|---|---|
| Pediatric | • Examination for dysmorphism or syndromes<br>• Feeding checks<br>• Respiratory / airway issues<br>• Growth and development | Growth and development | | |
| Plastic & Reconstructive | • Cheiloplasty (lip repair) at around 3 months<br>• Palatoplasty (palate repair) at around 9 months | • Palatopharyngoplasty<br>• Lip / nose scar revision | • Lip / nose scar revision | • Rhinoplasty |
| Audiology | • Newborn hearing screening<br>• Hearing assessments (+/- hearing aid fitting) | • Hearing assessments (+/- hearing aid fitting) | | |
| Otorhinolaryngology | • Complete ORL examination<br>• Myringotomy and Grommet insertion | • Regular assessment for middle ear status<br>• VPI / VPD assessment | | |
| Speech Language Pathology | • Feeding and Swallowing assessment<br>• Speech assessment<br>• Language assessment<br>• Nasometry evaluation | • Speech assessment and management<br>• Language assessment and management<br>• Nasometry evaluation<br>• VPI / VPD assessment | | |
| Pediatric Dental | • Dentition and facial growth monitoring<br>• Oral hygiene instruction | • General dental Care and oral hygiene instruction<br>• Dentition and facial growth monitoring | | |
| Oral & maxillofacial | • Respiratory & Airway Issues<br>• Facial growth & development monitoring | • Facial growth & development monitoring<br>• Alveolar bone grafting | • Facial growth & development monitoring<br>• Surgical removal of impacted teeth | • Facial growth & development<br>• Orthognatic / Distraction Osteogenesis<br>• Dental Implant |
| Orthodontic | • Dentition and facial growth monitoring | • Functional correction of jaw discrepancy and dental malocclusion | • Orthodontic treatment | |
| Prosthodontic | • Feeding aids | • Oral prosthesis (Obturator / speech bulbs) | • Dental rehabilitation | |
| Support Group | • Parental Counselling (care of cleft child and family, cleft protocol adherence)<br>• Feeding guidance | • Cleft Protocol adherence<br>• Psychosocial support | | |

**Sila hubungi Klinik Pembedahan Plastik, Blok E, Tingkat 3 Hospital Melaka di talian 06-2892398 untuk temu-janji dan penerangan lanjut.**

Disediakan Oleh : **Dr. Mrs Izety Shezlinda binti Noran**

# PASUKAN PENGURUSAN MASAALAH " CLEFT "

## PERANAN TERAPI PERTUTURAN

Menjalankan Penilaian & Intervensi tentang perkembangan Bahasa, Pertuturan, Bunyi-Bunyi Pertuturan, Komunikasi dan Pemakanan/Penelanan

### 0 - 6 BULAN

Menjalankan pemerhatian terhadap struktur oral pesakit yang memberi kesan terhadap pemakanan/penelanan




### 6 - 18 BULAN

Menjalankan saringan Bahasa & Pertuturan, Penilaian awal perkembangan komunikasi dan Pra-linguistik serta Inventori Fonetik




### 2 - 3 TAHUN

Menjalankan penilaian Bahasa & Pertuturan dan tempat artikulasi serta kesalahan bunyi-bunyi pertuturan

/kakak/ - [tatak]
/gigi/- [didi]
/susu/ - [tutu]
/zip/ - [dip]




### 4 -5 TAHUN

Menjalankan penilaian Resonasi dan Bunyi-Bunyi Pertuturan serta *Nasometry Evaluation*




### 6 - 7 TAHUN

Penilaian keseluruhan Komunikasi, Resonasi, Bunyi-bunyi pertuturan



### TEKNIK CUL-DE-SAC (KURANGKAN SENGAU)

Objektif

Untuk memberi kesedaran kepada pesakit supaya dapat membezakan antara bunyi sengau dan bunyi tidak sengau

1) Tutup hidung dengan kedua belah jari telunjuk
2) Tekan hidung sehingga betul-betul rapat dan pastikan tiada udara semasa bercakap
3) Ketika menyebut sesuatu perkataan, mestilah bayangkan yang semua udara keluar melalui mulut sahaja
4) Apabila pesakit sudah dapat membezakan bunyi sengau dan tidak sengau, hidung tidak lagi perlu di tutup dan pesakit perlu bercakap serta membayangkan sebagaimana pesakit bercakap ketika hidung di tutup



Disediakan oleh:
Unit Terapi Pertuturan,
Jabatan Otorinolaringologi, Hospital Melaka

## Peranan Terapi Carakerja Terhadap Bayi/Kanak - kanak " Cleft Palate "

Bayi atau kanak-kanak yang mengalami masalah "*Cleft Palate/Cleft Lips*" atau lebih dikenali dengan masalah 'sumbing', sering dikaitkan dengan masalah untuk menelan makanan/minuman. Majoriti daripada bayi yang sumbing akan mempunyai kesukaran untuk menghisap susu sejak dari awal kelahiran. Hal ini disebabkan oleh masalah otot dan sensori pada bahagian dalam mulut yang kurang upaya untuk berfungsi seperti kanak-kanak normal.



Justeru, Terapi Carakerja memainkan peranan penting bagi membantu bayi dan individu yang terlibat untuk merangsang otot dan sensori pada bahagian dalam mulut mereka sebagai persediaan sebelum menghisap dan menelan makanan/minuman. Tugas ini merangkumi dari segi penilaian untuk menghisap, dan seterusnya rangsangan otot mulut yang dipanggil "*sucking stimulation/oral motor stimulation*" bagi meningkatkan rekfleks menghisap.

Selain itu, bagi bayi sumbing yang mengalami masalah kurang berat badan, Terapi Carakerja juga berperanan untuk melakukan Terapi Sentuhan *(Touch Therapy)* bagi merangsang otot badan mereka untuk berkembang dengan lebih baik sekaligus membantu menaikkan berat badan. Terapi ini juga perlu disusuli oleh sentuhan dan dakapan dari ibu/penjaga bayi bagi meningkatkan berat badan bayi dengan lebih berkesan.





Di samping itu, Terapi Carakerja juga turut membantu dari segi pendidikan kepada alatan bantuan ketika minum bagi mengelakkan kanak-kanak dari tersedak. Cawan yang mempunyai reka bentuk khas digunakan bagi melatih kanak-kanak untuk minum sebagai persediaan sebelum mereka menggunakan cawan biasa. Akhir sekali, pihak Terapi Carakerja juga turut menyediakan perkhidmatan bagi melatih kanak-kanak sumbing yang mempunyai masalah dari segi perkembangan motor kasar dan motor halus, masalah komunikasi, tingkah laku serta masalah pembelajaran jika berkaitan.





Pertandingan bola jaring oleh Unit Kejururawatan dengan kerjasama Persatuan Jururawat Malaysia dan Kelab Perubatan Hospital Melaka



Datuk Dr Hatijah Binti Mohd Tan memberikan penerangan semasa program Halatuju Hospital Melaka



Program penyampaian bendera YB EXCO Melaka



Latihan Firedrill oleh Pihak BOMBA & PENYELAMAT di Jabatan Sajian Hospital Melaka



Datuk Dr Hatijah Binti Mohd Tan menurunkan tandatangan di majlis Penyerahan kerusi batu oleh pihak Medivest



Malacca OSH Seminar 2019 6 Ogos 2019 di Auditorium MITC Convention Center, Melaka



Kerja-kerja melapah lembu dilakukan oleh kakitangan Hospital Melaka sempena Program Korban Perdana 2019



Datuk Dr Hatijah Binti Mohd Tan hadir ke majlis perhimpunan bulanan ke 10 sempena hari Deepavali



Pertandingan Poster Code Blue dan Code Orange peringkat Hospital Melaka




1st Melaka Medico-Legal Seminar 2019
'Why Patients Sue?'
bertempat di Grand Ballroom Hotel Hatten, Melaka



## Sambutan Hari Jantung Sedunia

Pada 5 September 2019 telah berlangsung sambutan Hari Jantung Sedunia peringkat Hospital Melaka bertempat di Bukit Beruang, Melaka. Sambutan ini dianjurkan oleh Unit Pendidikan Pesakit. Ianya juga diadakan bersempena sambutan Hari Dietetik. Objektif sambutan ialah untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat khususnya dalam mencegah penyakit jantung. Seramai 80 staf dari pelbagai kategori telah hadir menjayakan sambutan tersebut. Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Perubatan IV, Dr Mohd Rosli B. Tompang. Aktiviti yang dijalankan ialah jelajah Bukit Beruang Full Track. Semoga usaha-usaha untuk menggalakkan staf melakukan aktiviti fizikal seperti ini dapat diteruskan dari masa ke semasa.





## Majlis Penutup IFITER

Majlis Penutup IFITER ( I Fit & Eat Right) telah diadakan pada 31 Oktober 2019. Ianya adalah di bawah kelolaan Unit Pendidikan Pesakit. Program ini dilaksanakan setelah tamatnya tempoh selama 6 bulan pelbagai aktiviti major dan minor berlangsung.

Program ini dimulakan pada waktu pagi dengan pelbagai aktiviti sukaneka yang diadakan di Pantai Klebang, Melaka. Di sebelah petangnya pula diadakan majlis perasmian penutup program IFITER di salah sebuah hotel di negeri Melaka. Ianya disempurnakan oleh Dr. Zulkarnain Mohd Rawi , Timbalan Pengarah Perubatan I. Seramai 50 peserta terdiri dari pelbagai kategori staf dan jabatan Hospital Melaka telah menyertai majlis ini.





## Korban Perdana Sempena Sambutan Aidil Adha 2019

Korban ialah menyembelih binatang ternakan berkaki empat (Al-An'am) pada hari raya Eidul Adha atau hari-hari tasyrik (11,12,13 Zulhijjah) dengan tujuan beribadat kepada Allah. Hukum ibadah korban adalah sunat muakkad bagi yang mampu dan wajib bagi yang bernazar. Ianya juga dianggap sebagai simbolik kesediaan hamba untuk mengorbankan apa sahaja demi melaksanakan perintah Allah swt. Hospital Melaka juga tidak ketinggalan dalam meraikan hari raya eidul adha, majlis korban telah diadakan pada hari khamis dengan menyembelih sejumlah 5 ekor lembu dan 3 ekor kambing. Majlis ini telah diadakan secara gotong royong bertempat di surau utama Hospital Melaka.





## Majlis Takhnik Sempena Menyambut Kedatangan Tahun Baru Islam 1441H

Kerajaan Negeri Melaka melalui Jabatan Agama Islam Melaka bersama Hospital Melaka telah menganjurkan program takhnik kepada bayi yang lahir pada 1 Muharram 1441 H. Majlis takhnik ini telah disempurnakan oleh 3 orang pentakhnik yang terdiri daripada YBhg Datuk mufti Negeri Melaka, YBhg Datuk Hj Abdul Rahim Bin Hj Abdul Khaliq serta Imam Besar Masjid Al-Azim Negeri Melaka. Majlis ini juga diserikan dengan kehadiran isteri kepada YAB Ketua Menteri Melaka sebagai tetamu VVIP.





## Perhimpunan Bulanan Hospital Melaka Bilangan 12/2019

Perhimpunan bulanan Hospital Melaka Bilangan 12/2019 telah diadakan pada 19 Disember 2019 pukul 2.00 petang bertempat di Auditorium Sri Baiduri. Perhimpunan ini merupakan anjuran sama daripada Jabatan Bedah Plastik, Unit Inovasi, Kesihatan Awam, Unit UKKP, dan Pendidikan Kesihatan. Perhimpunan ini merupakan perhimpunan terakhir YBhg. Datuk Dr. Hatijah binti Hj, Mohd Tan, Pengarah Hospital Melaka bersama warga hospital. Dalam mengenang jasa beliau sewaktu perkhidmatan di hospital, urusetia telah meraikan sambutan hari jadi beliau di auditorium yang turut disertai oleh semua warga hospital.





## Lawatan Sambil Belajar Ke Hospital Sabah

Pada 27 hingga 30 September 2019, ahli Kelab Perubatan Hospital Melaka telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas Sabah. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mendapatkan maklumat, berkongsi pengetahuan serta kemudahan yang diperlukan bagi mewujudkan Hospital bertaraf kluster yang telah dilaksanakan oleh Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas Sabah. Lawatan ini melibatkan seramai 22 orang kakitangan Hospital Melaka pelbagai jawatan. Antara sektor jawatan yang mengikuti lawatan ini adalah Penyelia Jururawat, Ketua Jururawat, Pembantu Kesihatan Awam dan Pembantu Perawatan Kesihatan. Lawatan ini telah disambut baik oleh Pengarah Hospital Wanita dan Kanan-Kanak Likas Sabah iaitu Yang Berusaha Dr Tan Bei Wah. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Ketua Penyelia Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas Sabah serta Ketua Penyelia Jururawat Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah. Ucapan perasmian penutupan telah disampaikan oleh Yang Berusaha Dr Tan Bei Wah yang merupakan pengarah Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas Sabah. Penghujung aktiviti adalah disediakan jamuan ringan kepada semua kakitangan Hospital.





## Program Hearing And Speech 2019

JABATAN ORL telah menganjurkan program "*Better Hearing And Speech 2019*" pada 4/12/19 bertempat di Klinik Kesihatan Tengkera, Melaka. Program yang bertemakan "*Prevention Is Everybody Bussiness*" ini bertujuan memupuk kesedaran dikalangan kakitangan kesihatan seluruh negeri melaka terhadap masalah yang berkaitan dengan pendengaran dan pertuturan dengan harapan dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan masalah berkaitan.

Program ini dirasmikan oleh Yang Berbahagia, Datuk Dr Hj Abd Razak Bin Hj Ahmad, Ketua Jabatan Otorinolaringologi, Hospital Melaka. Program ini dihadiri oleh 60 kakitangan kesihatan negeri Melaka yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pembantu Perubatan dan juga Jururawat.






## Program "Back To School" Anjuran Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Melaka

Program ini telah diadakan pada 19 Disember 2019 dengan kerjasama Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia Cawangan Hospital Melaka. Majlis ini diadakan di Auditorium Baiduri Hospital Melaka pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Seramai 88 orang tetamu yang hadir bersama 30 orang pesakit yang telah menerima bantuan tersebut. Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia Cawangan Hospital Melaka telah menerima sumbangan dari orang perseorangan, badan-badan bukan kerajaan dan syarikat koporat dalam program ini. Program penyampaian sumbangan "Back To School" ini telah dirasmikan oleh YB Low Chee Leong Exco Kesihatan Dan Antidadah Negeri Melaka. Turut hadir bagi memeriahkan majlis adalah Pengarah Hospital Melaka Datuk Dr. Khatijah bt Hj Mohd. Tan, Timbalan Pengarah Perubatan 1 Dr Hj. Zulkarnain B Mohd Ramli serta beberapa orang Ketua Jabatan dan Ketua Unit Hospital Melaka.





## 2nd Melaka Conference Di Avillion Hotel

Unit Kejururawatan Hospital Melaka dengan kerjasama Persatuan Jururawat Malaysia Cawangan Melaka dan Unit Kejururawatan JKN Melaka telah menganjurkan *2nd Melaka Nursing Conference* di Avillion Hotel pada 18-19 Julai 2019. 11 orang penceramah yang bertauliah telah dijemput untuk memberi ceramah yang selaras dengan tema konferen iaitu Nurse: *Excellent Well-Being, Excellent Care.*

Seramai 554 orang yang hadir. Konferen ini dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Kejururawatan KKM dan ditutup oleh YB Low Chee Leong.






## Pertandingan KIK Peringkat Kebangsaan

Hospital Melaka telah menghantar beberapa kumpulan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan QA untuk mewakili Hospital ke peringkat Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia. 3 kumpulan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah mewakili Hospital Melaka ke Pertandingan KIK Peringkat Kebangsaan KKM di Hotel KSL & Resort, Johor Bahru.

Jabatan yang telah berjaya membuat projek dan menghantar wakil adalah:

i. Kumpulan CAUTERY TEAM (Jabatan Pembedahan).
Tajuk Projek : Tele Temujanji

ii. Kumpulan PROSERVE(Jabatan Dietetik Dan Sajian,).
Tajuk Projek : Sweety Rind Jam

iii. Kumpulan RADIA (Jabatan Radiologi Hospital Melaka).
Tajuk Projek : Radiowaze " Trustmefollowme



Kumpulan Jabatan Paediatrik, Hospital Melaka



Wakil QA Hospital Melaka



Projek KIK Kumpulan PROSERVE dari Jabatan Dietetik dan Sajian


Kumpulan QAP dari Jabatan Perubatan, Hospital Melaka

## Pensijilan ISO MS 9001: 2015 bagi tempoh 2019-2022

ISO- Hospital Melaka telah mendapat pensijilan ISO MS 9001: 2015 bagi tempoh 2019-2022. Audit pematuhan telah dibuat pada 7November-8 November dan seramai 3 orang auditor dari SIRIM Sdn Bhd telah datang mengaudit Hospital Melaka. Sebanyak 5 ketak-akuran minor dan 7 observasi telah ditemui dan telah diambil tindakan pembetulan.





## Seminar 'Adakah saya Idamanmu?' di Kolej Nilam Oriental

Unit Kejururawat Hospital Melaka dan Persatuan Jururawat Malaysia menganjur Seminar 'Adakah saya Idamanmu?' di Kolej Nilam Oriental pada 22.8.2019. seramai 150 orang jururawat dari 3 Hospital dan 3 PKD Negeri Melaka yang hadir. Topik yang dibincangkan adalah pentingnya komunikasi, jururawat cemerlang dan pentingnya dokumentasi (jemputan Khas dari CKAP KKM)







## "Pharm Run" Sempena Hari Farmasi Sedunia

Pada 28 September 2019, Jabatan Farmasi Hospital Melaka bersama Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah menganjurkan program larian *Pharm Run* sempena Sambutan Hari Farmasi Sedunia 2019 bertempat di Memorial Pengisythiran Kemerdekaan, Dataran A Famosa, Melaka. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah pameran Kenali Ubat Anda, *Kids Zone*, pertandingan mewarna dan cabutan bertuah.

Program larian ini berjaya menarik minat seramai lebih kurang 400 orang peserta bukan sahaja dari negeri Melaka, malah terdapat peserta dari luar negeri Melaka. Selain menyihatkan badan, program ini juga memberi pendedahan berkenaan tanggungjawab dan peranan anggota Farmasi kepada orang awam.








## Hari Diabetes Sedunia 2019

Pada 14/11/2019 adalah Hari Diabetes Sedunia yang di sambut setiap tahun dengan tema : "*Family And Diabetes , Diabetes Protect Your Family*". Jabatan Perubatan Bahagian Endokrin dengan kerjasama Pusat Sumber Diabetes telah menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik yang bertempat di Lobi Utama Hospital Melaka. Antaranya seperti pameran kesihatan, kuiz kesihatan, saringan kesihatan seperti pemeriksaan tekanan darah,ukuran berat,tinggi ,BMI dan pemeriksaan gula dalam darah dan kaunseling diabetes.

Seramai 7 orang Jururawat Pendidikan Diabetes dan 2 doktor membantu dalam menjayakan program tersebut. Orang awam dan warga hospital dijemput hadir sepanjang aktiviti tersebut dijalankan.

Sepanjang bulan Oktober dan November , Pakar Perubatan Endokrin dari Jabatan Perubatan telah membuat *road show* di setiap jabatan bagi memberi ceramah berkenaan *Hypoglycemia Awareness Program 2019* . Sambutan daripada paramedik amat menggalakkan dimana seramai 422 orang paramedik telah hadir mendengar dan menjawab soal selidik yang diberikan .

Aktiviti – aktiviti yang dijalankan ini adalah dibawah seliaan Doktor Tong Chin Voon,Pakar Perubatan Endokrin, Jabatan Perubatan Hospital Melaka.








## Lawatan Sambil Belajar Ahlijawatankuasa Bebas Denggi

Pada 8 hingga 10 November 2019 Ahli Jawatankuasa Program Bebas Denggi di kemudahan Kesihatan Hospital Melaka atau dengan nama singkatan PBDKK Hospital Melaka telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Hospital Langkawi, Pulau Langkawi Negeri Kedah Darul Aman. Seramai 38 ahli jawatankuasa PBDKK Hospital Melaka telah mengikuti lawatan ini yang terdiri daripada pelbagai jawatan. Tujuan Utama lawatan ini adalah untuk menimba ilmu berkaitan kawalan denggi yang dilakukan oleh Hospital Langkawi. Taklimat aktiviti pencegahan denggi telah disampaikan oleh Pegawai Operasi Pihak Konsesi Hospital Melaka iaitu Encik Hamdan Bin Rais. Pelbagai aktiviti yang telah dilakukan oleh pihak Hospital Melaka untuk membasmi pembiakan tempat nyamuk Aedes.



## Table Top Keselamatan Kebakaran Hospital Melaka Siri 2/2019

Pada 23 Oktober 2019 satu *Latihan Table Top Keselamatan Kebakaran siri 2/2019* telah diadakan di ruang legar As-Syifa'. Latihan ini dikelolakan oleh Jawatankuasa Keselamatan Kebakaran Hospital Melaka dengan kerjasama Jawatankuasa Bencana Hospital Melaka dan Bahagian Penyeliaan Hospital Melaka.
Latihan ini bertujuan untuk melihat tahap pengetahuan kakitangan serta keberkesanan Pelan Tindakan Keselamatan Kebakaran yang telah sedia ada di Wad Aras 3-2.
Setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan kepada Wad Aras 3-2 yang telah berjaya menjalani latihan ini.





## Latihan Kawad Kebakaran Hospital Melaka 2019

Latihan Kawad Kebakaran Hospital merupakan acara tahunan yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Keselamatan Kebakaran Hospital Melaka. Pada 13 November 2019, latihan ini telah diadakan di Jabatan Dietetik dan Sajian Hospital Melaka.
Tujuan latihan diadakan adalah untuk melihat tahap pengetahuan kakitangan serta keberkesanan Pelan Tindakan Keselamatan Kebakaran jabatan yang terlibat. Latihan ini juga dapat menambahbaik Pelan Tindakan Keselamatan Kebakaran Hospital Melaka serta fungsi Pasukan Keselamatan Kebakaran Hospital Melaka.
Latihan telah mendapat kerjasama Jawatankuasa Bencana Hospital Melaka dan Bahagian Penyeliaan Hospital Melaka serta Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh dan Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kubu.
Setinggi-tinggi ucapan tahniah buat Jawatankuasa Keselamatan Kebakaran kerana telah berjaya menganjurkan latihan ini.





## Program Khidmat Komuniti Berkhatan Hospital Melaka

Program Khidmat Komuniti Hospital Melaka kali ke 4 telah dianjurkan oleh Bahagian Penyeliaan Hospital di bawah seliaan Jabatan Pembedahan pada 3 Disember 2019 bertempat di Pusat Rawatan Harian Hospital Melaka. Program ini juga mendapat kerjasama dari Persatuan Pembantu Perubatan dan Kesatuan Penolong Pegawai Perubatan Cawangan Negeri Melaka.
"Berkhatan Kunci Kesihatan Ummah" adalah tema program yang bertujuan untuk memberi khidmat berkhatan kepada anak-anak golongan yang kurang bernasib baik di beberapa sekolah yang telah dipilih serta anak-anak kakitangan Hospital Melaka. Seramai 72 orang kanak-kanak yang telah dikhatankan oleh Penolong Pegawai Perubatan Negeri Melaka.

Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) Dr. Hjh Zuraini Bt Zainal yang mewakili Pengarah Kesihatan Negeri JKNM. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Pengarah Hospital Melaka Datuk Dr.Hjh Hatijah Bt Haji Mohd Tan. Acara dimeriahkan lagi dengan kerjasama dari Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh yang 'memandikan' anak-anak sebelum dikhatankan.






# Senarai Nama Pesara Mulai Dari JULAI HINGGA DISEMBER Tahun 2019 Hospital Melaka

| Bil. | CATATAN | TARIKH KUATKUASA | Jabatan mengikut Perjawatan/ Menggunapakai perjawatan | NAMA | jwt | Gred Hakiki |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | BERSARA WAJIB | 25/01/2019 | PEDIATRIK | SOH SENG MOI | JURURAWAT | U29 |
| 2 | BERSARA WAJIB | 20/01/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | MUNAH BINTI YUSOF | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U14 |
| 3 | BERSARA PILIHAN | 01/02/2019 | DIATETIK DAN SAJIAN | SITI NOR HAYATI BINTI ABD SAMAD | PENOLONG PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN | C38 |
| 4 | BERSARA PILIHAN | 01/02/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | ABD GHANI BIN HAJI MANSOR | PEMANDU KENDERAAN | H14 |
| 5 | BERSARA PILIHAN | 01/02/2019 | OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI | ROHAIYAH BINTI ABDUL GHANI | JURURAWAT | U29/U32 |
| 6 | BERSARA WAJIB | 02/04/2019 | PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL | RAHIMAH BINTI IBRAHIM | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U11 |
| 7 | BERSARA PILIHAN | 01/04/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | AZMI BIN AKOB | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U16 |
| 8 | BERSARA PILIHAN | 01/04/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | ABD RASHID BIN ABU | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U11 |
| 9 | DIBERSARAKAN AWAL ATAS SEBAB KESIHATAN | 27.02.2019 | PEMBEDAHAN AM | CHE SURAYA BINTI CHE YASIM | JURURAWAT | U32 (KUP) |
| 10 | BERSARA PILIHAN | 14/05/2019 | PATOLOGI (MAKMAL) | NORHASIMAH BT HJ.NORDIN | JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN | U29 |
| 11 | BERSARA PILIHAN | 02/05/2019 | DIETETIK DAN SAJIAN | ROHAIZAH BINTI BASIRON | PEGAWAI DIETETIK | U54 (KUP) |
| 12 | BERSARA WAJIB | 25/05/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | FARIDAH BT ABU TALIB | PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT | F32 |
| 13 | BERSARA PILIHAN | 01/06/2019 | PATOLOGI (MAKMAL) | ZAKARIA BIN SUBOH | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U11 |
| 14 | BERSARA WAJIB | 03/06/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | MAT TAHIR BIN IBRAHIM | PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PEKOD) | N32 (KUP) |
| 15 | BERSARA WAJIB | 18/06/2019 | DERMATOLOGI | CHE SALMI BINTI YUSOFF @ MOHD | PENTADBIR/KLINIKAL,PEGAWAI PERUBATAN | UD54 |
| 16 | BERSARA PILIHAN | 01/07/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | TUMINAH BINTI KASTARI | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U14 |
| 17 | BERSARA WAJIB | 22/07/2019 | ANESTESIOLOGI | JARIYAH BINTI MAMAT | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U11 |
| 18 | BERSARA PILIHAN | 01/08/2019 | REHABILITASI | ZAINABA BIBI BINTI AHMAD ALI | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U11 |
| 19 | BERSARA PILIHAN | 01/08/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | ROSLI BIN JIDON | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U11 |
| 20 | BERSARA WAJIB | 16/08/2019 | FARMASI DAN BEKALAN | SELVA RAJOO A/L DARMALINGAM | PENOLONG PEGAWAI FARMASI | U40(M) |
| 21 | BERSARA PILIHAN | 27/08/2019 | RAWATAN KECEMASAN DAN PESAKIT LUAR | RAHMAN BIN DOLLAH | PEMANDU KENDERAAN | H14 |
| 22 | DIBERSARAKAN AWAL ATAS SEBAB KESIHATAN | 06/08/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | MOHD HAIRY BIN BAHAR | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U11 |
| 23 | BERSARA WAJIB | 11/09/2019 | PERUBATAN AM | NORIDAH BINTI YAHYA | JURURAWAT | U32 (KUP) |
| 24 | BERSARA PILIHAN | 01/09/2019 | PATOLOGI (MAKMAL) | NORHAYATI BT SULAIMAN | JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN | U32 (KUP) |
| 25 | BERSARA WAJIB | 03/09/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | NORSHAH BIN SUJANG | PENOLONG PEGAWAI TADBIR | N36 |
| 26 | BERSARA WAJIB | 29/09/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | KAMSIAH BINTI HAJI KECHUT | PENOLONG AKAUNTAN | W36 |
| 27 | BERSARA PILIHAN | 31/10/2019 | ANESTESIOLOGI | ZALEHA BINTI KASMAN | JURURAWAT | U32 (KUP) |
| 28 | BERSARA WAJIB | 15/10/2019 | PEMBEDAHAN AM | JOHNATHAN JOSEPH | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U14 |
| 29 | BERSARA PILIHAN | 03/09/2019 | ORTHOPEDIK | NORIHAN BINTI YASSIN | JURURAWAT | U32 |
| 30 | BERSARA WAJIB | 25/11/2019 | PATOLOGI (MAKMAL) | FAIZAH BINTI AHMAD | PAKAR PERUBATAN KAJI PENYAKIT,PEG.PERUBATAN,KUP GRED KHAS C | KHAS C (KUP) |
| 31 | BERSARA WAJIB | 05/11/2019 | PEMBEDAHAN AM | MALLIKA A/P MARIMUTHU | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U14(KUP) |
| 32 | BERSARA WAJIB | 27/11/2019 | FARMASI DAN BEKALAN | CHAN SEK NEO | PENOLONG PEGAWAI FARMASI | U38 |
| 33 | BERSARA WAJIB | 04/12/2019 | PATOLOGI (MAKMAL) | SUBAMANIAM A/L KUMARASAMY | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U14(KUP) |
| 34 | BERSARA WAJIB | 26/12/2019 | PENGURUSAN HOSPITAL | HATIJAH BINTI HAJI MOHD TAN | Pengarah Hospital, Pegawai Perubatan, Gred Utama C | Utama C |
| 35 | BERSARA PILIHAN | 01/12/2019 | RAWATAN KECEMASAN DAN PESAKIT LUAR | RUSZALAM BIN MOHD | PEMANDU KENDERAAN | H11 |
| 36 | BERSARA PILIHAN | 31/12/2019 | ANESTESIOLOGI | FATIMAH YEE @ JUSTINA YEE BINTI ABDULLAH | PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN | U14(KUP) |

# Senarai Nama Staff Meninggal Dunia Mulai Dari JULAI HINGGA DISEMBER Tahun 2019 Hospital Melaka

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| MENINGGAL DUNIA | 27/08/2019 | OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI | LAILI BINTI A MAJID | JURURAWAT | U32 (KUP) |
| MENINGGAL DUNIA | 22/09/2019 | PEDIATRIK | FADILLAH BINTI TAMBY HUSSIN | JURURAWAT | U32 |
| MENINGGAL DUNIA | 17/09/2019 | A & E | MUSALLI BIN MOHD DIN | PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN (KONTRAK) | U29 |
| MENINGGAL DUNIA | 27/10/2019 | KLINIK O&G | NORHAYATEE BINTI IBRAHIM | JURURAWAT | U32 |
| MENINGGAL DUNIA | 10/11/2019 | FARMASI DAN BEKALAN | MAIMON BINTI MD LAJIM | PENOLONG PEGAWAI TADBIR, STOR | N32 |

## - Salam Takziah -

## AL-FATIHAH




